

Headline	TNB sedia 145 set janakuasa di Pantai Timur		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	06 Jan 2017	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Dlm Negeri	Page No	7
ArticleSize	135 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 5,325		



TNB sedia 145 set janakuasa di Pantai Timur

KUALA LUMPUR 5 Jan. - Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah bersedia dengan menyediakan sebanyak 145 set janakuasa di beberapa lokasi strategik di negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung yang dilanda banjir ketika ini.

Pengurus Besar Kanan (Rangkaian Pengedaran) TNB, Wan Nazmy Wan Mahmood berkata, pihaknya menggunakan sebanyak 13 set janakuasa bergerak dengan 10 set ditempatkan di beberapa kawasan sekitar Kelantan, dua set di Terengganu dan satu lagi di Pahang.

Katanya, TNB juga menyediakan sebanyak 132 set janakuasa elektrik mudah alih masing-masing sebanyak 60 set di Kelantan, 22 di Terengganu dan 50 set di Pahang.

"Janakuasa-janakuasa yang ditempatkan di semua lokasi sudah siap sedia sepenuhnya sebaik sahaja diperlukan terutamanya di premis penting seperti hospital dan pusat pemindahan mangsa banjir," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Sementara itu, Wan Nazmy berkata, operasi beberapa pencawang elektrik di Kelantan dan Terengganu yang telah pulih awal petang semalam terpaksa dihentikan semula secara berperingkat ekoran paras air yang kembali meningkat.

Menurutnya, setakat pukul 2 petang, operasi di empat pencawang elektrik melibatkan tiga di Kelantan dan satu di Terengganu telah dihentikan dan perkara berkenaan adalah bersifat sementara demi keselamatan awam.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai dinasihatkan menghubungi TNB Careline di talian 1545.